

AUDIT PEMERIKSAAN SEMULA (REVIEW AUDIT)

1. *Ketua Seksyen Audit dan Pensijilan akan melantik 2 (dua) Pegawai Audit bagi menjalankan audit pemeriksaan semula sekali setahun untuk memperbaharui sijil GVHP atau apabila terdapat penambahan produk selepas dianugerahkan sijil GVHP, perpindahan premis, perubahan teknologi pemprosesan dan pengeluaran serta perubahan pihak pengurusan.*
2. *Surat makluman mengenai tarikh dan tujuan audit dikeluarkan atas persetujuan pegawai audit dan pemohon.*
3. *Audit pemeriksaan semula dijalankan di premis pemohon yang merangkumi audit dokumen, rekod dan audit lapangan.*
4. *Sekiranya terdapat ketidakakuran (CAR), tindakan pembetulan perlu dilakukan dalam tempoh yang dipersetujui.*
5. *Jika perlu, audit susulan akan dijalankan bagi mengesahkan semua tindakan pembetulan yang dilakukan oleh pemohon. Kegagalan mengambil tindakan pembetulan dalam tempoh 3 (tiga) bulan dari tarikh CAR akan menyebabkan permohonan dibatal.*
6. *Pegawai Audit menyediakan dan menyerahkan laporan kepada Pengarah Bahagian Diagnostik dan Kepastian Kualiti untuk pertimbangan.*
7. *Pemohon akan dimaklumkan melalui surat pemberitahuan kelulusan.*